

07 AUG 2000

GPMS-Sekolah Wawasan

PARTI KOMPONEN BN PERLU BANTU JELAS KONSEP SEKOLAH WAWASAN

KUALA TERENGGANU, 7 Ogos (Bernama) -- Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) hari ini meminta semua parti komponen Barisan Nasional (BN) memainkan peranan memberikan penerangan berhubung cadangan Sekolah Wawasan kepada masyarakat.

Setiausaha Agung GPMS, Syed Anuar Syed Mohamad berkata perkara itu penting memandangkan isu penubuhan sekolah tersebut telah menimbulkan sedikit kontroversi berikutan beberapa kenyataan yang dikeluarkan sebelum ini.

Beliau berkata GPMS kurang bersetuju dengan kenyataan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang meminta Kementerian Pendidikan memberikan penerangan kepada guru Cina mengenai konsep Sekolah Wawasan.

"Kami berpendapat Kementerian Pendidikan tidak harus dibebankan lagi, sebaliknya usaha secara bersama perlu dilakukan bagi merealisasikan penubuhan sekolah tersebut," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad semalam yang meminta MCA berganding bahu dengan kementerian berkenaan untuk memberi penjelasan berikutan timbulnya kekeliruan di kalangan masyarakat Cina.

Syed Anuar berkata penubuhan Sekolah Wawasan diputuskan pada mesyuarat BN yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah pun memberikan penjelasan terperinci kepada semua pemimpin parti komponen.

Oleh itu katanya tidak timbul soal kekeliruan penubuhan Sekolah Wawasan yang perlu dijelaskan oleh Kementerian Pendidikan.

"Mengapa kita perlu kecoh mengenai penubuhan Sekolah Wawasan ini sedangkan konsep dan matlamatnya sudah jelas untuk memupuk intergrasi nasional di kalangan rakyat," katanya.

Menurutnya Kementerian Pendidikan perlu diberikan peluang untuk melaksanakan Sekolah Wawasan dan meminta pihak berkenaan agar tidak terlalu bersikap negatif dengan cadangan tersebut sebelum ia dilaksanakan.

Beliau berkata GPMS pada dasarnya sangat bersetuju dengan penubuhan Sekolah Wawasan yang dilihat mampu mempercepatkan proses integrasi nasional di kalangan rakyat.

-- BERNAMA

AYB LAT